



SIARAN MEDIA

"OUTREACH" PLATFORM BANTU KUMPULAN SASAR

Betong, 3 Mac 2016 – Seramai 500 orang sukarelawan yang terdiri daripada komuniti tempatan telah menyertai Program Sukarelawan Jiwa Malaysia Negeri Sarawak yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Institut Sosial Malaysia (ISM).

Program ini berfungsi sebagai program pendampingan (*outreach*) sukarelawan di mana sukarelawan yang sebelumnya telah dilatih secara teori oleh ISM akan menjalankan kerja-kerja amali atau turun padang bagi menjalankan kerja kesukarelaan menerusi aktiviti '*hands on*' di rumah-rumah klien kumpulan sasaran KPWKM, di samping membudayakan semangat kesukarelawan dalam kalangan masyarakat.

Seramai 9,912 orang sukarelawan telah diberi kursus latihan asas kesukarelawan oleh ISM di mana semua sukarelawan ini telah didaftarkan di dalam pangkalan data sukarelawan dari tahun 2010 sehingga Februari 2016. Bagi Negeri Sarawak sahaja, untuk tempoh yang sama, seramai 2,337 sukarelawan telah diberi pendedahan dan latihan sukarelawan melalui 15 program latihan yang telah dijalankan di seluruh negeri sepanjang tempoh tersebut.

ISM juga telah berjaya menghasilkan empat (4) peringkat kursus mengenai kesukarelawan iaitu Modul Asas, Modul Pertengahan, Modul Lanjutan dan juga Modul Kejurulatihan (TOT) Sukarelawan Jiwa Malaysia yang dibangunkan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Dengan adanya modul-modul latihan tersebut, ISM dapat memberi latihan kepada sukarelawan secara yang lebih sistematik, berstruktur dan komprehensif bagi melengkapkan setiap sukarelawan dengan ilmu pengetahuan yang relevan dan semasa.

YB Dato' Sri Rohani berkata, "Saya menyarankan supaya ISM memberi tumpuan kepada latihan sukarelawan yang komprehensif dengan melibatkan penyertaan lebih ramai sukarelawan daripada pelbagai agensi, pertubuhan bukan kerajaan

dan persatuan-persatuan yang berkaitan. Ini termasuklah sukarelawan di bawah agensi-agensi Kementerian sendiri seperti Sukarelawan Kebajikan JKM, PERWANI dan juga sukarelawan di bawah iM4U dan Yayasan”.

Beliau turut berharap agar dengan pelaksanaan program ini, para peserta dapat menyumbangkan tenaga kerja dan bantuan kepada penduduk setempat atau daerah berhampiran apabila bencana alam berlaku.

Program pada hari ini turut dihadiri oleh YBrs. Dr. Al Azmi Bakar, Pengarah Institut Sosial Malaysia, YBrs. Tuan Haji Abg Shamsudin Abg Seruji, Pengarah Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak dan kira-kira 600 orang penduduk tempatan.

#####

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat
 Institut Sosial Malaysia
 Kementerian Pembangunan Wanita,
 Keluarga dan Masyarakat
 Lot PT 13856, KM 6
 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban, Sungai Besi
 57100 Kuala Lumpur
Telefon : 019-3105163(Zubaidi)/016-8008375 (Hazliza)
Tarikh : 3 Mac 2016